

# Ringgit terima kesan kenaikan faedah AS

BERITA HARIAN 18/9/18 m/s 22

**Pergerakan** mata wang tempatan akan menerima tekanan dalam masa terdekat ini kerana bank pusat Amerika Syarikat (AS), Rizab Persekutuan (Fed) dijangka meningkatkan kadar faedahnya bulan ini.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid,

berkata kenaikan itu dijangka diumumkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) pada 25 dan 26 September ini, berdasarkan prestasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua republik itu yang mengukuh pada 4.2 peratus.

Katanya, paras pertumbuhan itu sememangnya melepasi trend pertumbuhan jangka panjang AS iaitu 1.8 peratus di samping kadar inflasi yang kian meningkat kepada 2.9 peratus pada Julai lalu.

“Kadar inflasi ini telah pun melepasi sasaran dua

peratus yang ditetapkan oleh pihak Rizab Persekutuan AS:

“Oleh yang demikian, prospek kenaikan kadar faedah di AS juga dijangka memberi impak negatif kepada pergerakan mata wang ringgit pada masa terdekat ini,” katanya kepada *Bisnes NSTP*.